



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

**JPA MENYANTUNI GOLONGAN ASNAF DI KAMPUNG TELUK ARA,
GUNONG BACHOK SEMPENA RAMADAN**

BACHOK, KELANTAN, 20 MAC 2025 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terus komited dalam menyantuni masyarakat melalui Program Santuni MADANI dengan menyampaikan bantuan makanan bagi keperluan berbuka puasa sepanjang Ramadan kepada **36 penerima bantuan e-Kasih di Kampung Teluk Ara, Gunong Bachok.**

Bantuan ini telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri bin Yusoff, Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang mewakili YBhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dalam satu majlis ringkas. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada persiapan Program Tautan Perdana 2025, yang akan berlangsung pada 19 April 2025.

Penerima bantuan terdiri daripada golongan asnaf yang berdaftar dalam sistem e-Kasih ICU, di mana mereka **tergolong dalam kategori miskin dengan pendapatan per kapita isi rumah tidak melebihi RM532.**

Santuni MADANI: Komitmen Berterusan Membantu Komuniti

Program Santuni MADANI bukan sekadar menyampaikan bantuan, tetapi bertujuan meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui usaha advokasi dan pembangunan komuniti. Sebanyak lapan (8) skop utama sedang dirancang bagi memberi manfaat kepada penduduk setempat:

- i. Pengurangan Kemiskinan
- ii. Advokasi Pendidikan
- iii. Peningkatan Akses Kesihatan
- iv. Peluang Pekerjaan & Pengangguran
- v. Keselamatan Komuniti
- vi. Pencegahan Penyalahgunaan Dadah

- vii. Pembangunan Infrastruktur
- viii. Kelestarian Alam dan Teknologi Hijau

Selain itu, usaha sedang dijalankan untuk menaik taraf rangkaian telekomunikasi dan pemasangan lampu solar di kawasan yang telah dikenal pasti di Kampung Telaga Ara.

Kerjasama Strategik Demi Kesejahteraan Rakyat

JPA turut menzahirkan penghargaan kepada rakan strategik termasuk:

- i. Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU) Negeri Kelantan
- ii. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
- iii. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Kelantan
- iv. Pejabat Tanah Jajahan Bachok
- v. Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Kerjasama ini sejajar dengan matlamat Santuni MADANI, yang menggalakkan pendekatan keseluruhan kerajaan (Whole of Government) bagi merealisasikan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam dan memperkasa kesejahteraan rakyat.

###

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 20 Mac 2025
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No.Rujukan : JPA 100-9/1/2 Jld.2 (100)